

# KAMPUS

*Kita juga ada cerita*



## KERJA OH KERJA

### Ingin kerjaya selari dengan jurusan diambil

"GRADUAN kini terlalu mengharapkan kerjaya sama seperti pengajian yang diikuti di universiti, sedangkan pasaran kerjaya yang ditumpukan tersebut mungkin terhad dan sukar pula untuk majikan mengambil graduan yang tidak berpengalaman," kata Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar Usim, Nasrul Hakim Ahmad.

Menurutnya, graduan perlu lebih kreatif dan terbuka tentang peluang kerjaya yang ada. Graduan juga perlu lebih berani untuk mencuba pengalaman-pengalaman baharu yang tidak selari dengan bidang pengajian yang diikuti tetapi berupaya membuka ruang kerjaya lain yang lebih luas.



NASRUL HAKIM

Sekiranya graduan berpeluang menceburi bidang kerjaya yang tidak selari dengan kelayakan mahu pun bidang pengajian mereka, pengalaman yang dilalui, tidak dapat tidak, akan membina dan membentuk mereka untuk lebih matang dan lebih bersedia meneroka peluang pekerjaan yang lebih sesuai dan setara.

"Hakikat yang saya temui, graduan yang mempunyai pelbagai kemahiran, anjal dan berdaya saing semasa pengajian dilihat lebih mudah untuk menempatkan diri di alam pekerjaan.

"Saya percaya keadaan ini disumbangkan oleh pengalaman yang mereka perolehi dalam pelbagai aktiviti kemahasiswaan dan kokurikulum melalui kelab dan persatuan ketika pengajian

sehingga memudahkan mereka bergerak dengan anjal dalam masyarakat, mempunyai jaringan hubungan dengan pelbagai pihak selain mempunyai keyakinan diri serta bermotivasi," katanya.

Beliau menambah, mereka yang baru menamatkan pengajian juga boleh menimbangkan untuk menceburi bidang keusahawanan sekaligus mencipta kerjaya sendiri.

Terdapat pelbagai program kemahasiswaan yang bermatlamat melahirkan graduan usahawan yang disediakan sama ada secara dalaman ataupun melibatkan pelbagai agensi bertanggungjawab di luar Usim. Graduan usahawan bukan sahaja menjana peluang kerjaya untuk diri sendiri tetapi berpotensi untuk menyediakan peluang kerjaya kepada orang lain pula," katanya.

Menurut Nasrul Hakim, program pengajian yang ditawarkan Usim sentiasa dipastikan memenuhi kehendak pasaran.



Menceburi pelbagai bidang kerjaya membolehkan graduan menimba pengalaman berharga daripada rakan-rakan lain.

"Program pengajian baharu yang hendak ditawarkan akan melalui sejumlah proses pemeriksaan secara dalaman dan di peringkat Kementerian Pendidikan.

"Antara item pemeriksaan termasuklah sama ada program pengajian tersebut berupaya memenuhi kehendak pasaran atau tidak. Program pengajian sedia ada pula perlu melalui semakan secara berkala untuk memastikannya sentiasa dikemas kini selaras dengan kehendak pasaran," katanya.